

21/06/1998

Pemimpin perlu lebih terbuka

KUALA LUMPUR: Beberapa perwakilan Umno mahu kepemimpinan parti dan kerajaan bersikap lebih terbuka dengan menerima teguran dan kritikan dalam mengatasi sebarang masalah, terutama kegawatan ekonomi sekarang.

Mereka berpendapat, teguran yang kadang kala diungkap dalam nada agak kritis bertujuan menyelamatkan keadaan, bukannya bermaksud menentang kepemimpinan.

Wakil Perhubungan Umno Perak, Mohd Fadhil Harun meminta Presiden parti serta pemimpin Umno supaya bersabar, mengamalkan musyawarah dan menerima teguran secara terbuka bagi menangani sebarang masalah yang timbul.

Menurutnya, apa yang dialami sekarang harus dianggap sebagai ujian kesabaran. Malah, katanya, Nabi Muhammad yang martabatnya lebih tinggi juga pernah diuji lebih hebat.

"Seperti kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, agenda dan perjuangan kita masih belum selesai, manakala kepemimpinan pula berterusan dari satu pemimpin ke pemimpin lain," katanya berucap membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

Sambil mempertahankan pendirian Pemuda Umno berhubung isu kronisme dan nepotisme, Mohd Fadhil berkata, cara pergerakan itu menimbulkan soal berkenaan sedemikian rupa kerana mereka berdarah muda.

Wakil Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, pula berkata teguran yang kadang-kadang diungkap dalam bahasa agak kritis bertujuan menyelamatkan keadaan.

"Kadang-kadang cadangan dan saranan yang mereka buat itu bersifat baru, inovatif dan ada kalanya pelik. Ada yang boleh dipakai dan ada juga tidak praktikal. Namun, hasrat dan usaha mereka ini kita sokong dan beri peluang untuk turut serta menyumbang," katanya.

Wakil Badan Perhubungan Umno Selangor, Sharifah Norli Syed Hussein, juga mengingatkan pucuk pimpinan supaya lebih terbuka dalam menghadapi pelbagai serangan luar.

Menurutnya, kegagalan menyalurkan maklumat yang lengkap kepada rakyat serta ketidaktelusan hanya akan membuka ruang kepada serangan bidaah dan fitnah.

"Kita perlu hadapi sebarang permasalahan dan bukan lari dari hakikat dengan menyembunyikan kenyataan," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

(END)